

# Strategi kuasa lunak usah sampai hilang identiti, budaya negara

- Malaysia sebenarnya berpotensi besar dalam pembangunan strategi kuasa lunak kerana memiliki sumber kuasa lunak menarik seperti kedudukan geografi dan sejarah strategik empayar ratusan tahun lampau

- Dalam Malaysia membangunkan evolusi dan perkembangan budaya dalam strategi kuasa lunak, identiti dan nilai kebudayaan tradisi itu wajar diperteguh agar budaya tidak mencair



Pegawai Penyelidik di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR)

Oleh Ahmad Muziru Idham Adnan  
bhrencana@bh.com.my

**Malaysia** perlu meneroka strategi kuasa lunak kerana negara memerlukan suatu dasar luar tidak sekadar mempromosi identiti dan hala tuju di peringkat global, bahkan berdaya dalam mewujudkan elemen kuasa tarikan yang dapat merangsang pertumbuhan ekonomi, kestabilan politik dan jaringan hubungan sosiobudaya dengan masyarakat antarabangsa.

Perlu diakui perkembangan antarabangsa dekad ini memperlihatkan kepesatan pembangunan teknologi yang diplomasi tidak lagi sekadar membabitkan

interaksi fizikal antara diplomat dengan pemimpin negara.

Gaya diplomasi baharu membabitkan hubungan teknologi dan masyarakat dunia lebih berpengaruh hingga menyebabkan banyak keputusan polisi negara ditentukan pandangan awam.

Pandangan awam ini menjadi sumber dan peluang kuasa lunak untuk dimanfaatkan Malaysia dalam menjadi negara kuasa pertengahan di rantau Asia Pasifik.

Bagi menjelaskan definisi kuasa lunak dibangunkan pemikir politik Amerika Syarikat, Joseph Nye Jr, secara ringkasnya ia bermaksud kemampuan sesebuah negara mendapatkan apa dikehendaki melalui daya tarikan berbanding pemaksaan atau suapan. Ia hadir daripada ketertarikan terhadap budaya, idea politik dan dasar sesebuah negara.

Contoh terdekat yang boleh dirujuk negara berjaya melaksanakan strategi kuasa lunaknya ialah Korea Selatan. Korea Selatan melalui strategi Hallyu atau gelombang Korea menyebabkan ia dikenali di peringkat global melalui penyebaran budaya pop. Rata-rata orang mengikuti perkembangan kumpulan hiburannya seperti Blackpink dan BTS atau menonton K-Drama dan K-Filem di pelbagai platform penstriman seperti Netflix, Disney+ dan Viu.

Kesan kemasyhuran gelombang budaya popular

Korea Selatan itu, data daripada *Global Hallyu Trends* pada 2020 disampaikan Korea Foundation for International Cultural Exchange menunjukkan kadar eksport barangan pengguna dan pelancongan disebabkan Hallyu mencecah AS\$5.9 bilion (RM27.1 bilion), iaitu peningkatan sebanyak 26.1 peratus berbanding 2018 yang menyumbang kepada pertumbuhan eksport pelancongan sebanyak 87.6 peratus.

Sekiranya diteliti sejarah Korea Selatan, strategi Hallyu itu memiliki fasa tersendiri dengan projek itu secara jelasnya bermula pada era pentadbiran Kim Dae-jung. Pada 1998, beliau mengumumkan Hallyu Industry Support Development Plan bertujuan meningkatkan industri budaya Korea dengan peruntukan belanjawan sebanyak AS\$14 juta (RM63.9 juta) pada 1998 kepada AS\$84 juta (RM383.3 juta) pada 2001.

## Impak tinggi peringkat global

Jadi, gambaran daripada mekanisme pelaksanaan Hallyu Korea Selatan adalah sesuatu wajar difikirkan Malaysia apabila melihat impak tinggi di peringkat global.

Malaysia sebenarnya berpotensi besar dalam pembangunan strategi kuasa lunak kerana memiliki sumber kuasa lunak menarik seperti kedudukan geografi dan sejarah strategik empayar ratusan tahun lampau, kebudayaan tradisional estetik, warisan gastronomi bermutu, keunikan masyarakat berbilang kaum hidup harmoni.

Semua ini adalah kelebihan dan keunikan yang ada pada Malaysia yang akan terbangun menjadi kuasa lunak menarik perhatian antarabangsa sekiranya dirancang secara strategik dan tersusun.

Dalam usaha ke arah penyusunan langkah strategik ini, perkara paling utama perlu diberi perhatian ialah pembabitkan peranan aktor tidak bernegara (*non state actor*) dalam diplomasi awam gaya baharu kerana pengaruh dan penglibatannya tinggi di arena antarabangsa.

Jadi, kerjasama erat antara agensi kerajaan dengan pihak seperti syarikat pelancongan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), individu bukan kerajaan (NGI), organisasi masyarakat sivil (CSO),

badan penterjemahan, agensi kebudayaan dan agensi pemakanan bukan sahaja dengan pemberian dana, bahkan membincangkan strategi mempromosi Malaysia dalam bentuk lebih strategik.

Potensi dan kemahiran yang ada pada badan berkenaan wajar disokong dan diberdayakan kerana hasil gerak kerja dan pemasaran hasil mereka akan membawa jenama Malaysia ke peringkat antarabangsa.

Namun, wajar diingat dan disedari jua bahawa di sebalik pengaruh budaya popular pesat pada masa ini, pada masa sama ia turut mewujudkan kesan negatif seperti mewujudkan budaya rasisme, xenofobia, kehilangan identiti budaya dan keruntuhan moral disebabkan budaya globalisasi tidak datang dengan akar tradisi.

Dengan ingatan itu, dalam Malaysia membangunkan evolusi dan perkembangan budaya dalam strategi kuasa lunak, identiti dan nilai kebudayaan tradisi itu wajar diperteguh agar budaya tidak mencair.

Pada masa sama, ia mampu menarik perhatian antarabangsa terhadap Malaysia. Sebab itulah identiti kuasa lunak Malaysia harus memiliki identiti tetap dan tersendiri serta tidak terpengaruh dengan kesan kemodenan dan globalisasi.

Ini kerana kedua-duanya boleh membawa kepada pemusnahan kebudayaan asli, mewujudkan diskriminasi sosial, membangkitkan pemikiran minda tertawan (meminjam istilah Syed Hussein Alatas), peminggiran masyarakat minoriti, pemutusan daripada tradisi kesejarahan tanah air dan pemusnahan sumber alam. Keteguhan terhadap kebudayaan nilai warisan tulen akan menangkis kepada kesan negatif budaya moden berkenaan.

Realitinya, Malaysia memiliki peluang sangat besar ke arah pembangunan strategi lunak. Penerokaan terhadap strateginya secara mendalam merentasi gaya diplomasi tradisional akan membuka ruang luas untuk Malaysia berdiri sebagai kuasa pertengahan serantau.

Apabila hal berkenaan berlaku, tidak mustahil Malaysia akan mula mencapai kepada pertumbuhan ekonomi negara memberangsangkan dan dasar luar lebih berpengaruh di peringkat global.

